

**MAS Hilang: Sultan Pahang Zahir Simpati Kepada Keluarga Penumpang Dan KRU MH370  
Bernama  
17 Mac, 2014**

Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah bersama anggota keluarga Selamat Omar, 60, bapa kepada Mohd Khairul Amri Selamat, 29, salah seorang penumpang pesawat MH370PUTRAJAYA, 17 Mac (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah Isnin menzahirkan simpati terhadap anggota keluarga penumpang dan anak kapal pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang masih belum ditemui.

Baginda meminta anggota keluarga terlibat supaya bersabar serta terus berdoa semoga operasi mencari dan menyelamatkan dipermudahkan Allah SWT.

"Kedatangan saya ke sini, untuk berjumpa keluarga yang 'kehilangan' suami, isteri dan anak. Saya telah nyatakan kita sedang mencari di mana kapal terbang berada. Kita tidak tahu sama ada masih di udara atau di mana-mana juga.

"Saya menasihatkan mereka supaya banyak bersabar. Kita mohon kepada Allah SWT untuk menunjukkan (petunjuk) kepada kita.

"Insya-Allah, mudah-mudahan dapat dijumpai," titah baginda kepada pemberita selepas berada kira-kira sejam bersama anggota keluarga terlibat di sini hari ini.

Sultan Pahang turut memohon supaya pelbagai pihak terlibat untuk terus menjaga kebajikan anggota keluarga penumpang MH370 bagi meredakan kesedihan mereka.

Turut berangkat Sultanah Pahang Sultanah Hajah Kalsom dan Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah. Hadir sama Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Aseh Che Mat.

Penerbangan MH370, membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 pagi 8 Mac. Ia sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari sama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022512>